



## PEMBERITAHUAN

(Ruj: PKP3 / MPKangar / 2021 / 02)

### OPERASI PREMIS / AKTIVITI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) (BERKUAT KUASA MULAI 25 MEI 2021)

Adalah dimaklumkan bahawa, berdasarkan ketetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), **berkuatkuasa mulai 25 Mei 2021**, waktu operasi **premis / aktiviti perniagaan yang dibenarkan dalam tempoh PKP** adalah seperti berikut :

AKTIVITI PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI
Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji ( <i>food truck</i> ), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk <i>Nota :</i> <i>Penjualan makanan hanya dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran sahaja. Dine-in dan perkhidmatan park &amp; dine tidak dibenarkan.</i>	8.00 pagi hingga 8.00 malam
Kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai keperluan harian	8.00 pagi hingga 8.00 malam
Perkhidmatan kesihatan seperti hospital, klinik dan makmal perubatan	Sehingga 24 jam
Kedai farmasi	8.00 pagi hingga 10.00 malam
Stesen minyak <i>Nota :</i> <i>Stesen minyak di lebuh raya boleh beroperasi sehingga 24 jam.</i>	6.00 pagi hingga 8.00 malam
Pusat beli belah dan pasaraya ( <i>outlet premis sahaja</i> ) <i>Nota :</i> <i>Booth / pameran di ruang legar tidak dibenarkan.</i>	8.00 pagi hingga 8.00 malam
Klinik haiwan dan kedai makanan haiwan	8.00 pagi hingga 8.00 malam

Kedai dobi / dobi layan diri, kedai cermin mata, pusat cuci kereta, kedai gunting rambut dan salun (perkhidmatan gunting rambut sahaja) <i>Nota :</i> <i>Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.</i>	8.00 pagi hingga 8.00 malam
Kafe siber dan pusat siber	8.00 pagi hingga 8.00 malam

### **Aktiviti Pasar Awam, Pasar Borong, Pasar Malam Pasar Pagi dan Pasar Tani SEDIA ADA Anjuran Majlis Perbandaran Kangar Atau Pihak Swasta**

Aktiviti Pasar Awam, Pasar Borong, Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani sedia ada dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan. Waktu operasi pasar yang dibenarkan adalah seperti berikut :

AKTIVITI PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI
Pasar pagi / pasar tani	6.00 pagi hingga 2.00 petang
Pasar borong	4.00 pagi hingga 9.00 pagi
Pasar awam (pasar basah)	6.00 pagi hingga 2.00 petang
Pasar malam	4.00 petang hingga 8.00 malam

### **Protokol Kesihatan Umum**

- Pemegang lesen dan pemilik premis hendaklah memastikan terdapat kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- *Hand sanitizer* hendaklah disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya oleh pelanggan sebelum masuk.
- Pemegang lesen dan pemilik premis hendaklah memastikan pelanggan mengimbas suhu badan sebelum memasuki premis. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah **tidak dibenarkan** memasuki kompleks / premis.
- Bagi kompleks membeli belah, pasaraya atau *departmental store*, pelanggan hanya perlu menjalankan imbasan suhu badan sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap perniagaan di bawah satu kompleks.
- Pemegang lesen dan pemilik premis diwajibkan menyediakan Kod QR MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan.

- Penggunaan MySejahtera diwajibkan di kawasan capaian internet yang luas. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan hanya dibenarkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar, dan lain-lain)
- Pemegang lesen dan pemilik premis hendaklah memastikan pelanggan mendaftar masuk (*check-in*) premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon (sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah).
- Pihak pemilik kompleks dan premis di luar kompleks perlu memastikan hanya pelanggan dengan status “*Low Risk*” termasuk “*Casual Contact Low Risk*” dalam MySejahtera yang dibenarkan masuk ke kompleks atau premis masing-masing.
- Pemegang lesen dan pemilik premis perlu menghadkan bilangan pelanggan yang berada di premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter radius dalam sesuatu masa.
- Setiap premis perlu memaparkan jumlah had kemasukan pelanggan pada sesuatu masa. Penggunaan sistem nombor giliran bagi pelanggan masuk ke sesuatu premis adalah digalakkan.
- Semua pemilik bangunan perlu menyediakan Kod QR di setiap aras.
- Semua pekerja, pembekal dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ketika berada di premis.

Maklumat lanjut mengenai SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh dirujuk di laman sesawang rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan melayari <https://www.mkn.gov.my>.

Sekian. Terima kasih.

**Arahan,**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR  
Tarikh : 24 MEI 2021.**